

Pengawai dan anggota polis berkawal di khemah OP Selamat **bagi memantau pergerakan lalu lintas** sempena musim perayaan di Jalan Kapar, Klang, baru-baru ini. [FOTO OSMAN ADNAN/BH]



Pemanduan berdisiplin efektif kurangkan nahas

Op Selamat galak pengguna jalan raya utamakan keselamatan ketika memandu



Wartawan: Matlamat Op Selamat 1 yang dilancarkan PDRM ialah menggalakkan pengguna jalan raya mengutamakan keselamatan ketika memandu. Selain Op Selamat, apakah kaedah lain yang boleh diamalkan pemandu untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya pada musim perayaan?

Hussain: Banyak kajian menunjukkan bahawa penyebab berlaku kemalangan boleh dikategorikan kepada tiga faktor utama, iaitu pengguna, kenderaan, jalan atau persekitaran. Sementara itu, pengguna adalah faktor penyebab paling ketara. Kaedah untuk mengurangkan kemalangan jalan raya dari aspek faktor pengguna ialah melalui pendidikan, latihan dan juga penguatkuasaan. Penguatkuasaan saja tidak dapat mengatasi masalah kemalangan jalan raya. Sebenarnya, semua pengguna jalan raya mendapat banyak pengetahuan mengenai pentingnya tanggungjawab menjaga keselamatan diri sendiri dan juga pengguna jalan raya yang lain melalui latihan dan pendidikan. Oleh itu, apa yang perlu dilakukan ialah amalkan pengetahuan itu. Sekadar mempunyai pengetahuan tetapi tidak diamalkan tidak akan membawa apa-apa makna.

S: Pengalaman menunjukkan walaupun polis dan agensi berkaitan sentiasa bersiap siaga pada musim perayaan menerusi operasi khas, kemalangan jalan raya tetap berlaku dan biasanya penyebab

12 Ogos lalu, Polis Diraja Malaysia (PDRM) melancarkan Op Selamat bagi menggantikan Ops Sikap yang sudah 25 musim perayaan dilaksanakan. Matlamat Ops Sikap sebelum ini ialah untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian setiap kali musim perayaan, namun natijahnya, ia kurang berjaya dan gagal mencapai matlamatnya. Susulan itu, PDRM melancarkan Op Selamat pula menggantikan Ops Sikap yang skopnya tidak lagi tertumpu kepada kempen keselamatan jalan raya semata-mata, sebaliknya turut merangkumi kempen keselamatan secara menyeluruh, termasuk membendung kejadian jenayah. Ia dijangka memberikan rakyat berasa lebih yakin dan selamat dengan kehadiran polis dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman awam pada musim perayaan. Wartawan BH Ahad, MOHD ANWAR PATHO ROHMAN mendapatkan pandangan Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Hussain Hamid dan Presiden Lembaga Kaunselor Profesional Malaysia, Prof Dr Mohamed Fadzil Che Din terhadap Op Selamat yang baru diperkenalkan ini.

kan angka korban yang tinggi. Adakah operasi yang dilancarkan kurang berkesan atau ia disebabkan faktor pemandu dan pengguna jalan raya?

J: Seperti yang saya terangkan di atas, kaedah mengawal kemalangan jalan raya dari aspek faktor pengguna ialah melalui pendidikan, latihan dan penguatkuasaan. Oleh itu, adalah tidak tepat jika dikatakan operasi polis dan agensi berkaitan kurang berkesan kerana penguatkuasaan cuma salah satu cabang kaedah mengawal faktor pengguna jalan raya. Tambahan pula lokasi kemalangan berlaku secara ra-

wak dan susah untuk dikenal pasti kerana ia membabitkan kegagalan sama ada dari faktor pengguna atau faktor kenderaan atau faktor jalan atau persekitaran ataupun kombinasi faktor ini. Operasi yang dijalankan memerlukan sumber kakitangan penguat kuasa yang ramai yang sudah tentu akan membabitkan kos yang tinggi. Oleh itu, operasi tidak dapat dijalankan di seluruh pelusuk jalan raya di negara ini. Maka, hasilnya tidak dapat mewakili populasi secara keseluruhan. Amalan menjaga keselamatan jalan raya oleh setiap pengguna adalah paling efektif.

S: Antara punca utama meningkatnya kemalangan jalan raya pada musim perayaan ialah disebabkan pertambahan kenderaan di atas jalan dan sikap cuai pemandu ketika memandu. Adakah penguatkuasaan yang dilaksanakan polis dan agensi penguat kuasa jalan raya tidak mampu mendisiplinkan pemandu sehingga meningkatnya kadar kemalangan?

J: Bilangan kenderaan yang tinggi ada kaitan dengan meningkatnya bilangan kenderaan kerana pendedaran pengguna jalan raya adalah tinggi pada waktu perayaan. Walau bagaimanapun, jika semua pengguna mengamalkan sikap bertanggungjawab menjaga keselamatan diri dan orang lain, kemalangan dapat dielakkan. Penguatkuasaan oleh pihak polis dan agensi yang lain adalah salah satu daripada banyak strategi pengurusan keselamatan jalan raya. Oleh itu, peningkatan atau pengurangan kemalangan jalan raya tidak boleh dikaitkan dengan strategi penguatkuasaan semata-mata.

S: Pelbagai kempen keselamatan jalan raya diadakan pada musim perayaan bagi menyedarkan pemandu supaya berhati-hati ketika memandu namun ia seolah-olah tidak pedulikan. Adakah ia dise-



“Penguatkuasaan oleh pihak polis dan agensi yang lain adalah salah satu daripada banyak strategi pengurusan keselamatan jalan raya”

Hussain Hamid,
Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM)

babkan kelemahan silibus di sekolah memandu atau memang sikap rakyat kita yang mengabaikan aspek keselamatan ketika memandu?

J: Secara amnya, semua pengguna jalan raya di Malaysia mempunyai pengetahuan mengenai kaedah menjaga keselamatan jalan raya kerana sudah lama didedahkan melalui pendidikan di sekolah rendah dan menengah, sekolah memandu, tempat kerja, media, dan pelbagai sumber lain. Pada pendapat saya, walaupun seseorang itu mempunyai pengetahuan berkenaan keselamatan jalan raya, ia tidak membawa apa-apa makna sekiranya pengetahuan itu tidak diamalkan dan dijadikan satu budaya ketika berada di jalan raya.

S: Apakah perkara atau ilmu yang perlu ada pada setiap pemandu bagi membolehkan kadar kemalangan dan kematian dapat dikurangkan pada musim perayaan?

J: Setiap pengguna jalan raya perlu mengamalkan pengetahuan keselamatan jalan raya yang disebarkan oleh pelbagai agensi kerajaan dan swasta selama ini. Pengetahuan keselamatan saja tanpa amalan atau budaya tidak akan dapat menyelesaikan masalah keselamatan jalan raya di mana-mana negara pun.

'Mentaliti pengguna jalan raya masih di takuk lama'

Wartawan: Apa pandangan Prof dengan Op Selamat 1 oleh PDRM bertujuan menggalakkan pengguna jalan raya mengutamakan keselamatan ketika memandu dan berkonsep menjaga keselamatan 'kediaman orang ramai yang balik kampung.

Mohamed Fadzil: Op Selamat 1 menggantikan Ops Sikap yang sudah lama dijalankan boleh dilihat pada dua sudut pandang. Sudut negatif boleh memberi makna bahawa pihak terbabit seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Pengangkutan dan sebagainya gagal mengubah sikap pengguna jalan raya. Pendekatan 'pesan demi pesan', 'ingat demi ingat' dan 'pantau demi pantau' yang dilaksanakan masih gagal mengubah sikap pengguna jalan raya di Malaysia. Pemandu masih kekal di takuk lama, manakala mengubah ruang lingkup operasi daripada menumpukan aktiviti sikap pengguna di jalan raya kepada aktiviti keselamatan pengguna jalan raya dan komuniti adalah satu langkah lebih meluas namun kemungkinan akan menenggelamkan isu asas iaitu isu sikap serta amalan pengguna jalan raya itu sendiri. Sudut positif pula membawa tanggapan bahawa ia satu kreativiti ke arah menzahirkan sikap menjaga keselamatan diri, keluarga dan komuniti ketika musim perayaan adalah sesuatu yang diperlukan dalam masyarakat Malaysia yang semakin dinamik, agresif dan penuh dengan pelbagai kegiatan harian. Jenama baru menggunakan konsep 'selamat' mempunyai konotasi lebih mesra, positif dan ada nilai keberdamangan dengan masyarakat, manakala konsep 'sikap' yang lama mempunyai konotasi kurang mesra, kecenderungan untuk mengajar atau mengubah sikap seseorang dan ada andaian bahawa sikap rakyat Malaysia bermasalah dan perlukan rawatan segera.

S: Adakah dengan adanya Op Selamat ini menandakan kadar jenayah di kawasan kediaman berada pada tahap membimbangkan.

J: Jika dilihat pada kes jenayah yang dilaporkan oleh Unit Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pengurangan Kadar jenayah memperlihatkan 'trend' jenayah yang menurun. Namun pada masa sama wujud juga laporan bahawa kadar jenayah di kawasan luar aktiviti NKRA meningkat. Walaupun ada peningkatan dan penurunan pada jumlah atau kadar jenayah ini, ia boleh ditakrifkan sebagai tidak membimbangkan. Barangkali jumlah atau kadar jenayah jangan kita jadikan sebagai isu atau fokus, tetapi yang perlu dan boleh kita gerakkan melalui Ops Selamat 1 ini ialah tanggapan, sikap dan amalan ahli komuniti dalam usaha menerima cadangan atau *buying in*, bersama terbabit atau *engagement* dan ada semangat serta sikap keempunyaan (*ownership*) bahawa isu dan amalan keselamatan bukan hanya dibahu pihak keselamatan, tetapi adalah usaha bersama antara PDRM dan komuniti.

S: Skop Op Selamat yang lebih menyeluruh ini dilihat akan menambah beban polis kerana turut terpaksa menjaga atau memantau kawasan kejiranan dan perumahan daripada penjenayah. Benarkah begitu?

J: Secara kasar, Op Selamat ini akan meningkatkan peranan dan bebanan PDRM. Namun sejak kebelakangan ini pihak PDRM juga cekap mengurus isu-isu sebegini kerana pasukan Polis Trafik dan anggota tambahan sentiasa berada di jalan raya, manakala pasukan Pasukan Gerakan Am (PGA) dan anggota tambahan sentiasa berada di kawasan pe-

rumahan serta kejiranan. Di sinilah, jika kita ahli masyarakat sedar dan faham mengenai pengorbanan anggota PDRM menjaga keselamatan orang ramai, maka sudah pasti kita ahli masyarakat seharusnya memberi kerjasama dalam meringankan tugas dan bebanan pihak polis selain kita belajar untuk bergerak bersama PDRM, bukan hanya pada musim perayaan, malah pada setiap masa dan ketika. Sesungguhnya keselamatan adalah tanggungjawab keluarga dan kita bersama.

S: Adakah kaedah terbaik yang dapat dilaksanakan kerajaan bagi mendidik masyarakat supaya tidak mengambil mudah aspek keselamatan kediaman dan juga ketika memandu di jalan raya?

J: Pasti ada. Pertama, kesedaran keselamatan perlu diasuh, didik, dilatih tubi, ditekankan dan diperkasa sejak zaman rebung. Bukan untuk yang sudah dewasa dalam Ops Sikap selama ini. Kesedaran elemen keselamatan bukan hanya isu fizikal rumah dan kenderaan yang perlu dijaga dengan selamat tetapi merangkumi elemen menjaga, memelihara, melindungi dan menyokong isi kandungan rumah, kejiranan, kenderaan, jalan raya dan nilai kemanusiaan yang wujud di dalamnya. Kedua, proses memberi pengetahuan berkaitan elemen keselamatan termasuk sikap dan amalan berkaitan penjagaan, pemeliharaan, perlindungan dan sokongan perlu sentiasa diperbincangkan dan didedangkan setiap masa, bukan bermusim. Usaha memberi pengetahuan dan maklumat ini mesti mengikut tahap individu berkenaan. Jika untuk untuk kanak-kanak dan remaja, ia mesti bersesuaian dengan kaedah dan 'trend' remaja terkini terutama penggunaan media sosial dan alat komunikasi yang terkini. Ketiga, usaha mencapai kefahaman berkaitan keselamatan harus diperincikan oleh semua pihak terutama agensi kerajaan yang mahu mempromosikan isu keselamatan dan amalan keselamatan dalam kalangan rakyat Malaysia seluruh peringkat usia. Keempat, usaha bersepadu untuk menggerakkan tindakan melalui sikap dan amalan selamat perlu diadakan selepas rakyat diberi kesedaran, pengetahuan serta kefahaman.

Jika dilihat selama ini, usaha untuk menggerakkan tindakan amat kurang dijalankan. Paling banyak dijalankan ialah program kesedaran dan memberi pengetahuan saja. Kelima, usaha membentuk dan memperkukuhkan nilai 'selamat' boleh dijalankan dengan memberi fokus kepada kelompok komuniti mengikut umur, lokaliti dan 'setting'. Keenam, selain penekanan kepada usaha mengubah sikap melalui pendekatan psiko-pendidikan, kita juga boleh menggunakan pendekatan psiko-sosial melalui kaedah interaksi dalam mengurus jalan raya dan penghuni kejiranan. Setiap pengguna jalan raya dan penghuni kejiranan dididik untuk mewujudkan sistem komunikasi dan interaksi yang selesa, harmoni dan gembira. Kita kena buang terus sistem penggunaan jalan raya dan penghuni kejiranan yang kurang atau tiada komunikasi dan interaksi seperti yang kita lihat wujud selama ini.



Mohamed Fadzil Che Din